

Tiada kenaikan tol hingga tahun depan

UM 4/11

KUALALUMPUR 3 Nov. - Kerajaan bersetuju untuk menangguhkan semua kenaikan tol lebuh raya sehingga akhir tahun depan.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Kabinet pada mesyuarat 12 Oktober lalu telah memutuskan untuk menangguhkan cadangan pelarasan kadar tol untuk tahun 2016 dan 2017.

Beliau berkata, mengikut perjanjian dengan syarikat konsesi tol, hanya terdapat empat lebuh raya yang berhak menerima kenaikan tol pada tahun depan berbanding lapan lebuh raya pada tahun ini.

"Empat lebuh raya itu ialah Lebuhraya Penyuraian Trafik Johor Timur (EDL), Lebuh raya Kajang Seremban (Lekas), Lebuh raya Senai Desaru (SDE) dan Lebuh raya Koridor Guthrie (GCE).

"Jemaah Menteri pada 12 Oktober lalu telah bersetuju untuk menangguhkan cadangan pelarasan kadar tol untuk tahun 2016 dan 2017 iaitu dalam erti kata lain tiada kenaikan tol pada tahun ini dan tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika menggulung Rang Undang-undang Perbekalan 2017 kementerian itu di Dewan Rakyat hari ini.

Fadillah menambah, anggaran jumlah pampasan tol tahun 2017 bagi empat lebuh raya tersebut ialah RM59.77 juta jika tiada kenaikan tol dibenarkan oleh kerajaan.

Waktu Solat

PERKHIDMATAN BAHAGIAN KEMENTERIAN AGAMA
KUALA LUMPUR

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

KUALA LUMPUR

dan kawasan sewaktu dengannya

5.40 6.56 1.00 4.20 6.58 8.09

PULAU PINANG

dan kawasan sewaktu dengannya

5.46 7.03 1.04 4.25 7.01 8.12

KUANTAN

dan kawasan sewaktu dengannya

5.33 6.52 12.54 4.14 6.53 8.04

JOHOR BAHRU

dan kawasan sewaktu dengannya

5.29 6.47 12.51 4.11 6.52 8.03

KUCHING

dan kawasan sewaktu dengannya

5.04 6.23 12.26 3.46 6.26 7.38